



**JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH**  
**IRSYAD AL-HUKMI**

**PANDANGAN MENGENAI PERMOHONAN LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH UNTUK  
MEMBELI TANAH WAKAF LOT 8320 (1913) MUKIM BANDAR ALOR SETAR**

1. Dari aspek syariat, prinsip utama bagi harta wakaf sama ada wakaf am atau wakaf khas ialah harta wakaf itu tidak boleh sama sekali dipindah milik, tidak boleh diwarisi dan tidak boleh dijual beli.
2. Perkara ini adalah berdasarkan hadis Nabi:

أَنَّ عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ إِذَا أَصَابَ أَرْضًا بِخَيْبَرَ، فَأَتَى النَّبِيَّ ﷺ يَسْتَأْمِرُهُ فِيهَا، فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنِّي أَصَبْتُ أَرْضًا بِخَيْبَرَ لَمْ أَصِبْ مَالًا قَطُّ أَنْفَسَ عِنْدِي مِنْهُ، فَمَا تَأْمُرُ بِهِ؟ قَالَ: إِنَّ شِئْتَ حَبَسْتَ أَصْلَهَا، وَتَصَدَّقْتَ بِهَا قَالَ: فَتَصَدَّقَ بِهَا عُمَرُ، أَنَّهُ لَا يُبَاعُ وَلَا يُوهَبُ وَلَا يُورَثُ، وَتَصَدَّقَ بِهَا فِي الْفُقَرَاءِ، وَفِي الْقُرْبَى وَفِي الرِّقَابِ، وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ، وَابْنِ السَّبِيلِ، وَالضَّيْفِ لَا جُنَاحَ عَلَى مَنْ وَلِيَهَا أَنْ يَأْكَلَ مِنْهَا بِالْمَعْرُوفِ، وَيُطْعِمَ غَيْرَ مُتَمَوِّلٍ.<sup>1</sup>

Maksudnya: " Umar bin al-Khattab telah menerima sebidang tanah di Khaibar, lalu beliau menemui Nabi ﷺ dan bertanya apa yang sepatutnya dilakukan dengan harta itu. Beliau bertanya: "Wahai Rasulullah, aku telah menerima sebidang tanah di Khaibar, dan aku tidak pernah menerima harta yang lebih berharga daripada itu. Apakah yang perlu aku lakukan dengannya?" Baginda bersabda: "Sekiranya mahu, kamu wakflah ia dan sedekahkan hasilnya." Ibn Umar η berkata lagi: Lalu Umar η sedekahkan tanah ini sambil berkata: " Tanah ini sama sekali tidak akan dijual atau di hibahkan atau diwariskan. Hasilnya akan disedekahkan kepada fakir miskin, kaum keluarga, pembebasan hamba-hamba, orang yang

*berada di jalan Allah, Ibn Sabil dan para tetamu. Tidak salah bagi penjaga tanah tersebut memakan hasilnya ataupun memberi makan orang lain tanpa menyimpan harta.”*

2. Hal ini juga selaras dengan peruntukan Seksyen 52, Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008 Majlis Agama Islam Kedah (MAIK) adalah Pemegang Amanah Tunggal bagi harta wakaf dan bertanggungjawab membangunkan harta tersebut demi memenuhi hasrat pewakaf serta masalah umum.
3. Bagaimanapun, jika harta wakaf berkenaan tidak dapat dijana atau wujud faktor darurat yang mendesak maka kaedah istibdal harus dilaksanakan berdasarkan syarat-syarat yang tertentu.
4. Merujuk tanah wakaf Lot 8320 (1913), GM 2443, Mukim Bandar Alor Setar; status tanah tersebut adalah **wakaf khas atas nama Masjid Al-Irfan, Derga, Alor Setar**. Lokasi tanah wakaf tersebut juga amat strategik dan berpotensi tinggi untuk dikomersialkan secara optimum.
5. Justeru, disyorkan supaya status tanah wakaf berkenaan dikekalkan atas nama MAIK dan pihak masjid berkenaan (dengan pemantaun MAIK) melaksanakan apa jua muamalah yang boleh menjana pendapatan atau menghasilkan keuntungan seterusnya manfaat tersebut dapat dinikmati oleh pihak masjid dan hak dapat pewakaf

**TARIKH KEPUTUSAN : 22 OKTOBER 2020**